

## A Portrayal of the History Antong Coffee Factory in Taiping, Perak through Mural

### *Paintings Gambaran Sejarah Kilang Kopi Antong Di Taiping, Perak Menerusi Lukisan Mural*

Hairulnisak Merman<sup>1</sup>, \*Gladys Tagie<sup>2</sup>, Wan Nurhasyima W. Mohd Apandi<sup>3</sup>,  
Mohd Nafis Saad<sup>4</sup>

<sup>1,2,3,4</sup>College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA Perak Branch,  
Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

hairulnisak@uitm.edu.my<sup>1</sup>, \*gladystagie@uitm.edu.my<sup>2</sup>, wannu829@uitm.edu.my<sup>3</sup>,  
mohdn4491@uitm.edu.my<sup>4</sup>  
**\*Corresponding author**

Received: 14 February 2025; Accepted: 31 March 2025; Published: 1 April 2025

#### **ABSTRACT**

*Mural painting is a form of art that is very effective in conveying information through pictures. The nature of mural paintings that can be appreciated by large groups of society makes it an alternative to mass communication in conveying and disseminating information that encompasses various social, historical, political, or cultural contexts. This study was made to analyze the visuals depicted on the mural paintings on the walls of the Antong Factory. The study method used in this study was to use qualitative methods. Researchers obtain information through primary data methods such as interviews and observations and use secondary methods derived from data sources such as journals, newspaper clippings, and websites. The results showed that the mural painting is not only a wall decorator but also an opportunity for visitors to observe the creative beauty produced as well as to convey information on the history of the establishment of the Atong Factory. Subsequently, through the mural painting, the mural was also indirectly promoted to the local and external communities. It is hoped that the mural will be able to convey accurate historical information to the target especially the younger generation to have the ability to evaluate mural paintings and add aesthetic knowledge value.*

**Keywords:** Analysis, Mural Painting, History, Antong Coffee Factory, Taiping, Perak

#### **ABSTRAK**

*Lukisan mural merupakan satu bentuk karya seni yang sangat efektif dalam menyampaikan sesuatu informasi menerusi gambar. Sifat lukisan mural yang boleh dihayati oleh kelompok masyarakat yang besar menjadikan ia sebagai alternatif komunikasi massa dalam menyampaikan dan menyebarkan informasi yang merangkumi pelbagai konteks sosial, sejarah, politik, atau budaya. Kajian ini dibuat adalah untuk menganalisis visual yang digambarkan pada lukisan mural di dinding Kilang Antong. Kaedah kajian yang digunakan dalam penelitian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji memperoleh maklumat melalui kaedah primer data seperti temu bual dan pemerhatian serta menggunakan kaedah sekunder yang diperolehi dari sumber data seperti jurnal, keratan akhbar dan laman sesawang. Hasil kajian menunjukkan bahawa lukisan mural ini bukan hanya sekadar menjadi penghias dinding, malah mampu memberi peluang kepada pengunjung yang datang untuk mengamati keindahan kreatif yang dihasilkan disamping dapat menyampaikan informasi berkaitan sejarah penubuhan Kilang Atong. Seterusnya, menerusi lukisan mural ini juga secara tidak langsung dapat mempromosikan Kilang Antong kepada masyarakat setempat mahupun luar. Lukisan mural ini diharap mampu menyampaikan maklumat sejarah tepat pada sasaran terutama generasi muda agar berkeupayaan untuk menilai lukisan mural serta menambah nilai pengetahuan secara estetik.*


**Keywords:** Analisis, Lukisan Mural, Sejarah, Kilang Kopi Antong, Taiping, Perak



## 1 INTRODUCTION

Lukisan mural atau lebih dikenali dengan lukisan dinding adalah bentuk seni lukisan yang diterapkan langsung pada permukaan dinding. Sejarah mencatatkan bahawa lukisan mural sudah ada sejak zaman prasejarah lagi, iaitu lebih kurang 30,000 tahun yang lampau. Orang-orang Zaman Batu mula melukis dan melakar di tembok gua batu di mana tempat mereka tinggal dan berlindung. Merujuk Merman et al., (2022) lukisan dinding gua terawal yang telah dijumpai adalah di Gua Lascaux selatan Perancis. Lukisan dinding gua ini telah dijumpai secara tidak sengaja pada 12 September 1940.

Difahamkan lakaran yang dapat dikesan di tembok gua tersebut (Gambar 1) menggambarkan imej-imej binatang seperti lembu, seladang dan kuda. Pada saat itu lukisan yang terhasil di tembok gua batu digunakan sebagai tanda bahawa sudah ada manusia yang telah menghuni dan melangsungkan kehidupan di gua tersebut. Terdapat 600 lukisan memenuhi dinding dan siling gua menggunakan peralatan seperti pensel magnesium dan tulang burung. Dianggarkan lukisan-lukisan ini berusia 17,000 tahun oleh kumpulan kecil manusia prasejarah yang tinggal dalam Gua Lascaux. Gua ini kemudian menjadi tempat pelancongan pada 14 Julai 1948. Walaubagaimana pun, ada tahun 1955 lukisan-lukisan ini semakin pudar akibat kehadiran pelawat yang membawa karbon dioksida, kepanasan, dan kelembapan yang mencemarkan lukisan gua tersebut (Dans C'Kay, 2023).



Gambar 1 Lukisan dinding di Gua Lascaux Selatan Perancis

Maklumat lain pula mengatakan bahawa terdapat kumpulan arkeologi dari Griffith University, Australia telah menemukan sebuah lagi lukisan dinding gua di hutan Kalimantan yang umurnya berusia 30,000 hingga 50,000 tahun. Difahamkan bahawa lukisan dinding gua ini berasal dari zaman Paleolitik Tua lagi. Di dalam dunia arkeologi turut berpendapat bahawa kebanyakan gua-gua yang berada di dalam hutan Kalimantan Timur ini terkenal dengan penemuan lukisan-lukisan kuno. Menurut (Gloria S. P., 2018) lukisan dinding gua ini terlihat seakan gambaran seekor binatang besar yang sukar dijelaskan bentuknya. Dalam Gambar 2 dapat dijelaskan bahawa terlihat seperti seekor lembu liar yang digambarkan sedang berkeliaran di dalam hutan Kalimantan. Bahkan, terdapat juga visual kesan tapak tangan pada sudut di sebelah kanan atas.



**Gambar 2** Lukisan dinding di Gua Hutan Kalimantan

Menurut (Meiboudi et al., 2011) mural merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Latin ‘Murus’ yang memberi maksud dinding. Lukisan mural umumnya ditampilkan dalam bentuk dua dimensi dalam skala besar yang memenuhi ruang bangunan atau ruang-ruang dinding. Teknik lukisan mural ini pula meliputi penggunaan cat minyak, cat air, cat akrilik bahkan bahan graffiti seperti cat jenis semburan dan pen. Lukisan mural dapat dihasilkan dengan menggunakan kuas tradisional iaitu peralatan yang digunakan untuk menghasilkan tulisan kaligrafi, penggunaan warna aerosol dan beberapa teknik yang lain. Seorang pelukis mural biasanya menggunakan lakaran awal untuk merangka rekaan dan menyusun komposisi yang bersesuaian sebelum menghasilkan lukisan mural.

Lukisan mural sering kali memiliki maksud yang mendalam dalam konteks sosial, sejarah, politik, atau budaya. Ia menjadi salah satu medium untuk menyuarakan pendapat, memperingati peristiwa bersejarah, atau memperlihatkan identiti tempatan. Selain itu, Lukisan mural juga menjadi sarana bagi memperindah ruang awam dan memberikan inspirasi kepada orang-orang yang melihat di sekitarnya. Ia adalah sebuah seni yang boleh diakses oleh semua orang yang datang bagi melihat penceritaan secara langsung berkaitan peristiwa dan pengalaman semasa mahupun selepas (Azahar & Hussain, 2018). Lukisan mural dapat dilihat dipelbagai tempat, bermula dari bangunan-bangunan di kota raya hingga sudut-sudut terpencil di pendalaman. Lukisan mural ini tidak hanya menghadirkan keindahan visual semata tetapi juga menggambarkan pengalaman estetik para pelukis mural.

Berdasarkan hasil penyelidikan, terdapat beberapa buah lukisan mural berskala besar telah dihasilkan di ruangan sebuah kilang kopi yang terdapat di daerah Taiping, Perak. Ia adalah kilang Kopi Antong yang sangat popular dan paling diminati, dan merupakan antara pelopor kepada kilang kopi yang pernah wujud di negeri itu. Kilang ini telah beroperasi selama 80 tahun dan mampu menghasilkan 10 tan biji kopi panggang setiap hari. Kini syarikat Antong Sdn. Bhd. semakin berkembang menjadi sebuah kilang pemanggang kopi moden di Taiping, Perak.

## 2 KAJIAN LITERATUR

### 2.1 Sejarah dan Perkembangan Daerah Taiping, Perak

Bandar Taiping merupakan bandar warisan bagi daerah Larut, Matang dan Selama. Sebelum tahun 1937, Taiping merupakan ibu negeri Perak. Nama lama Taiping ialah Klian Pauh, perkataan Klian bermaksud lombong dan perkataan Pauh pula ialah sejenis buah mangga dengan ukuran yang bersaiz kecil. Taiping juga merupakan sebuah pusat bandar lama di Malaysia seperti Pulau Pinang yang terletak di utara Bandaraya Ipoh. Perkataan Taiping di ambil daripada bahasa cina iaitu “Tai-Peng” yang bermaksud “Aman” atau “Damai”. Tercetus dari pertelingkahan puak-puak pendatang negara China yang melakukan aktiviti perlombongan bijih timah di daerah Larut iaitu Gee Hin dan Hai San (Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, 2021).

Bandar Taiping wujud hasil daripada kegiatan perlombongan secara besar-besaran yang dipelopori oleh pemimpin Melayu iaitu Long Jaafar. Asalnya bandar Taiping merupakan penempatan bagi sebilangan kecil masyarakat melayu namun perjumpaan bijih timah yang banyak di Larut telah menarik

perhatian orang asing untuk berhijrah ke bandar itu. Menyentuh sejarah kegemilangan daerah Taiping, terdapat dua tokoh terkemuka iaitu Long Jaafar dan Ngah Ibrahim telah mengubah daerah Larut daripada sebuah kawasan pendalaman kepada sebuah daerah yang kaya dan terkenal (Ahmad Shaharir S, 2022).



**Gambar 3** Kilang arang merupakan industri paling tua di Kuala Sepetang, Taiping

Menurut (Saleh et al., 2011) atas faktor peranan daerah Taiping sebagai pengeluar bijih timah yang penting di negeri-negeri Melayu termasuklah penghasilan bahan pembakar seperti arang (Gambar 3). Maka landasan keretapi yang pertama di Tanah Melayu menghubungkan daerah Taiping dengan Port-Weld di Kuala Sepetang (Gambar 4) telah dibina bagi tujuan untuk mengeksport bahan-bahan mentah bijih timah ke luar negara terutamanya ke Britain. Perkembangan daerah Taiping amat dititikberatkan oleh kerajaan British memandangkan peranannya sebagai ibu negeri pusat pemerintahan British di Perak yang merupakan daerah terkaya dengan hasil timah dan getah. Pembangunan ini disokong oleh sistem perhubungan dan komunikasi paling moden.

Ketika itu, daerah Taiping merupakan satu-satunya bandar yang mempunyai landasan keretapi lapangan terbang dan pusat telegraf pertama di negeri-negeri Melayu. Taiping turut dilengkapi dengan komponen bandar sejak mula dibangunkan iaitu pusat pentadbiran, pendidikan, rekreasi, keagamaan, perniagaan, keselamatan dan pusat sivik yang dibangunkan sejak tahun 1800. Seterusnya bandar Taiping dibangunkan dengan pembinaan sistem sirkulasi dan rangkaian jalan yang baik dengan sistem grid yang unik. Bahkan rumah kedai yang dibina pada zaman British masih kekal hingga ke hari ini dan boleh didapati di lorong Jalan Pasar, Jalan Taming Sari, Jalan Kota, Jalan Berek serta Jalan Tupai.



**Gambar 4** Tugu peninggalan landasan keretapi di Port Weld Kuala Sepetang, Taiping

## 2.2 Sejarah Kilang Kopi Antong

Kilang Kopi Antong ini telah diasaskan pada tahun 1933 oleh mendiang Tiah Ee Mooi. Setelah Tiah meninggal dunia, kilang kopi ini diambil alih oleh anaknya dan kini kilang tersebut diuruskan oleh cucunya bernama Datuk Thian Boon Chung. Dato Thian kini berumur 47 tahun dan beliau sebenarnya merupakan seorang jurutera yang berjaya. Pada tahun 2005, beliau melepaskan profesionnya sebagai jurutera untuk mengambil alih perusahaan kilang kopi ini daripada bapanya. Nama Kopi Antong ini diambil dari perkataan “Aun Tong” dan diselenggarakan di bawah syarikat Aun Tong Sdn. Bhd. Mendiang Tiah mencipta resepi kopi O original dengan menggunakan biji kopi tempatan yang diambil dari daerah Banting, Selangor, Johor, Sabah, Sarawak dan dicampur dengan beberapa jenis biji kopi yang diimport dari negara luar seperti Arab, Brazil dan biji kopi luwak daripada Indonesia (malaymail, 2014).

Menariknya mengenai kilang perniagaan warisan ini adalah ia masih mengekalkan cara pembuatan kopi dengan kaedah tradisional. Pelaksanaan kerja-kerja memanggang kopi adalah menggunakan kayu api (Gambar 5) yang dibakar dengan teliti dan kaedah ini telah digunakan sejak sembilan dekad yang lalu (freemalaysiatoday.com, 2020). Kilang kopi ini juga disenaraikan sebagai salah sebuah lokasi tarikan pelancongan di bandar Taiping, Perak. Ditambah pula dengan kedudukan Kilang Kopi Antong ini tidak jauh dari Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Taiping.



**Gambar 5** Penggunaan kayu api yang digunakan dalam proses memanggang kopi di Kilang Kopi Antong

Di sebelah bangunan Kilang Kopi Antong terdapat sebuah rumah bersejarah yang kini menjadi bangunan pejabat syarikat Aun Tong Sdn. Bhd. Rumah ini (Gambar 6) merupakan tinggalan pejuang revolusi iaitu Bapa Cina Moden bernama Dr. Sun Yat Sen. Dahulunya rumah ini dikenali sebagai “Changchun Pu Villa” yang telah didiami oleh Chen Chuifen kekasih kepada Dr. Yat Sen pada tahun 1914. Ketika itu Chen Chuifen memainkan peranan penting bersama kekasihnya semasa perjuangan revolusi membentuk negara China moden. Kelihatan papan tanda di hadapan rumah ini tertulis kediaman persinggahan Yut Sen semasa beliau berada di Taiping, Perak (Prebiu.com, 2020). Vila ini kemudiannya dibeli oleh keluarga Tiah Ee Mooi pada tahun 1940 untuk dijadikan bangunan Kilang Kopi Antong serta dijadikan muzium kilang kopi sebagai penarik kepada pengunjung yang datang.




**Gambar 6** Penggunaan kayu api yang digunakan dalam proses memanggang kopi di Kilang Kopi Antong

Hasil produk kopi daripada kilang Kopi Antong ini sangat digemari oleh penduduk di sekitar daerah Taiping, Perak. Ini kerana, bahan utamanya iaitu biji kopi dan juga campuran bahan yang lain adalah tidak sama dengan kopi berjenama yang berada di pasaran. Selain itu, warnanya yang hitam pekat menjadikan kopi ini berbeza dan menjadi antara pelopor kilang kopi yang wujud di Malaysia. Apa yang lebih menakjubkan adalah, ianya masih lagi beroperasi sehingga kini dan mengekalkan keaslian resipi kopi. Menurut temu bual pengkaji bersama penduduk setempat minuman kopi ini sering dihidang bersama “roti jari” yang merupakan salah satu produk keluaran Kilang Kopi Antong. Kini, Kopi Antong membawa lebih 20 produk minuman berdasarkan kopi termasuk kopi putih durian. Sebahagian produk ini dieksport ke luar negara seperti negara China dan kini dalam perancangan untuk mengembangkan pasarnya ke negara-negara Timur Tengah. Produk keluaran Kilang Kopi Antong turut mendapat persijilan Halal daripada pihak JAKIM Malaysia dan kopi ini juga antara pembekal kopi terbaik dan termahal di dunia.

### 3 METODOLOGI

Dalam kajian ini penulis menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif yang memfokuskan kepada pendekatan mengumpul dan menganalisis sumber daripada bahan berkaitan. Bagi memastikan perjalanan kajian bergerak secara sistematis, pengkaji melaksanakan proses pemerhatian, temu bual, dan juga analisis dokumen. Kaedah pemerhatian merangkumi huraian terperinci tentang situasi, kejadian interaksi dan tingkah laku yang diamati pengkaji sewaktu di lapangan. Kemudian diteruskan dengan kedah temu bual menerusi kutipan data langsung daripada pernyataan orang awam tentang pengalaman, sikap, pemikiran dan juga maklum balas terhadap penghasilan lukisan mural ini.

Kaedah analisis dokumentasi diperoleh daripada sumber data seperti buku, jurnal, keratan akhbar, majalah dan laman sesawang. Setiap data yang dikumpul terdiri daripada imej, transkrip temu bual, video, penerangan dan kertas peribadi. Latar belakang sejarah, agama, budaya, kepercayaan, kesukaran sosial, pemikiran dan perasaan disiasat untuk menjelaskan cabaran kajian. Bagi memperoleh data yang tepat, pengkaji membuat kajian lapangan di tapak mural dan sekitar kawasan Kilang Kopi Antong. Pemerhatian ini dapat membantu mengamati sesuatu, seseorang dan persekitaran dengan lebih terperinci (Rohendi Rohidi T., 2011).



**Rajah 1** Reka bentuk penyelidikan kajian

Reka bentuk penyelidikan kajian dalam Rajah 1 menunjukkan proses pengumpulan data bagi penyelidikan yang telah dijalankan. Antara prosesnya adalah pengkaji membuat kajian awal iaitu kajian literatur menerusi bahan-bahan bacaan daripada jurnal, keratan akhbar dan juga laman sesawang. Kajian diteruskan dengan melaksanakan kerja lapangan menerusi temu bual bersama penduduk di sekitar bandar Taiping dan juga pekerja kilang di Kilang Kopi Antong. Seterusnya, setelah mendapat semua maklumat yang diperlukan pengkaji menganalisis dapatan kajian, kemudian membuat keputusan hasil daripada dapatan kajian tersebut. Akhir sekali, pengkaji membuat penghargaan kepada semua yang terlibat dalam pelaksanaan kajian ini.

## 4 DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Rekaan Mural 1: Proses Penghasilan Kopi Secara Tradisional

Kopi O atau kopi hitam boleh dikatakan sebagai salah satu minuman kegemaran setiap masyarakat di Malaysia. Dengan bau aroma kopi ini, membuatkan peminat minuman kopi sanggup berbelanja lebih bagi mendapatkan minuman kopi pilihan mereka. Jika dilihat kepada budaya asal masyarakat di daerah Taiping, minuman kopi ini kebiasaannya dibancuh menggunakan air panas dan dihidangkan bersama biskut kering yang lebih dikenali dengan nama roti jejeri. Ia menjadi minuman kopi yang paling popular dan digemari oleh masyarakat setempat. Penghasilan kopi ini bukan sahaja dilaksanakan menggunakan kaedah tradisional, bahkan pemilik Kilang Kopi Antong ini sangat menitikberatkan kualiti penghasilan produk kopi yang dihasilkan di kilang mereka.

Gambar 7 di bawah menunjukkan sebuah lukisan mural yang terdapat disalah sebuah dinding di Kilang Kopi Antong. Ukuran mural ini adalah sekitar 1.8 meter tinggi dan 6 meter lebar. Dapat dilihat rekaan lukisan mural ini menggambarkan proses penghasilan kopi bermula daripada peringkat pemilihan pokok kopi sehingga peringkat penghasilan kopi serbuk untuk dibancuh bagi menghasilkan secawan minuman. Rekaan ini menggunakan pengayaan berbentuk ilustrasi, tidak menunjukkan gaya realistik serta menggunakan warna yang kontra. Imej yang digunakan oleh pereka lebih minimal dan mudah difaham bentuknya. Terdapat juga teks "Coffee The Perfect Cup" dilakar di sebahagian sudut dinding lukisan mural.



**Gambar 7** Hasil rekaan mural yang telah dilukis pada dinding Kilang Kopi Antong Taiping, Perak

Lukisan mural ini boleh disifatkan sebagai sebuah lukisan dinding dan instalasi kerana ia turut dihiasi bersama objek tambahan seperti pokok, kerusi serta meja bagi tujuan sesi bergambar kepada pengunjung yang datang. Secara tidak langsung ia mewujudkan sifat interaktif antara pengunjung dengan lukisan mural. Seni interaktif ini memberi makna kepada sebuah seni yang turut melibatkan audian untuk menikmati seni tersebut. Menurut (Marvella & Kurnia, 2019) seni interaktif hadir pada tahun 1950 atas dasar keinginan para seniman itu sendiri dan juga sifat keterbukaan penggiat seni ketika itu. Mereka menghasilkan sebuah karya seni instalasi yang boleh disentuh dan dimainkan oleh audian yang datang. Ia memberi maksud bahawa seni interaktif dipersembahkan apabila ia sesuai dan penonton sendiri mengambil peranan yang penting dalam ruang karya seni.



**Gambar 8** Jenis-jenis pokok kopi pilihan kilang Kopi Antong Taiping, Perak

Jika dilihat kepada rekaan mural ini, pada peringkat pertama terlihat gambaran lukisan mural pokok kopi yang dapat difahamkan adalah proses pemilihan pokok kopi berkualiti yang ditanam di ladang kopi tempatan. Ini menunjukkan bahawa pengilang kopi akan memastikan kualiti biji kopi lebih terjamin. Kemudian diperingkat kedua pula, lukisan mural ini menggambarkan imej biji kopi berwarna merah serta imej bintang berwarna kuning dibelakangnya. Ia memberikan makna bahawa pengilang

kopi akan membuat pemilihan biji kopi terbaik dan dicampur bersama biji kopi yang diimport daripada luar negara bagi mengekalkan kualiti sebenar kopi Antong.

Seterusnya, visual imej yang terlihat pada peringkat ketiga sehingga keenam adalah gambaran di mana biji kopi tersebut diproses menggunakan satu sistem “Conveyor Line” yang direka khas oleh rakan baik mendiang Tiah bernama Ahmad. Rekaan sistem pembakaran ini hanya menggunakan satu unit motor elektrik sahaja dan difahamkan mesin elektrik ini masih lagi ada dan berfungsi sehingga ke hari ini (Jasbindar F.A., 2022). Ia terlihat pada ilustrasi dua buah mesin memproses biji kopi menggunakan lakaran garisan berwarna hitam.



**Gambar 9** Ketuhar pemanggang biji kopi menggunakan kaedah pembakaran kayu api

Biji kopi dibakar dalam ketuhar berputar menggunakan api kayu sehingga bunyi keretakan kedengaran. Kaedah pemanggangan menggunakan kayu ini adalah sedikit perlahan bertujuan untuk mengekalkan lebih banyak rasa dalam biji kopi berbanding kaedah pemanggangan cepat yang digunakan kebanyakan kilang kopi lain. Biji kopi dibiarkan sejuk sebelum dipindahkan ke dua roda berputar untuk mengeluarkan sekam iaitu proses memisahkan antara biji kopi dan kulit. Kemudian biji kopi dimasak bersama cecair gula hitam, garam dan marjerin dengan pengawalan suhu yang betul (Rick, 2017). Bancuhan kopi yang telah kering dikeluarkan dari tong dan dihamparkan pada plat logam yang besar untuk disejukkan. Cecair hitam tersebut akan bertukar menjadi pepejal apabila ia sejuk. Campuran kopi yang telah sejuk dan mengeras ini kemudian dipecahkan secara manual sehingga menjadi serpihan kecil. Serpihan kecil ini kemudian dihantar ke mesin pengisar untuk dikisar menjadi serbuk berbutir kasar.

Kemudian, pada peringkat ke tujuh memperlihatkan imej biji kopi dan bungkusannya berwarna kuning yang dapat memberikan gambaran bahawa Kopi Antong dibungkus dengan menggunakan sistem pembungkusan berkualiti bagi tujuan penjualan dan pemasaran ke luar negara. Akhir sekali, visual rekaan pada peringkat ke lapan memperlihatkan serbuk kopi yang telah sedia ada dipasaran dan dibancuh menjadi sebuah minuman panas untuk dinikmati oleh penggemar kopi. Gambar 10 di bawah merupakan pemilik Kilang Kopi Antong iaitu Datuk Thian Boon Chung sedang mempromosikan produk kopinya dengan menghidangkan minuman kopi bersama roti jejari untuk diberikan kepada pengunjung yang datang.



**Gambar 10** Datuk Thian Boon Chung, pemilik Kilang Kpi Antong

## 4.2 Rekaan Mural 2: Pekerja Kilang Kopi Antong

Gambar 11 di bawah merupakan sebuah lagi lukisan dinding yang terdapat di Kilang Kopi Antong. Lukisan dinding ini dianggarkan berukuran 3.2 meter tinggi dan 5.8 meter lebar yang terletak di pintu masuk ruangan kedai Kilang Antong. Ruangan kedai ini merupakan tempat di mana mereka memperkenalkan semua produk yang dihasilkan oleh Kilang Antong dan tersedia untuk dijual kepada pengunjung yang datang. Menerusi sesi temu bual pengkaji bersama salah seorang pekerja Kilang Antong bernama Low Li Hua, difahamkan bahawa lukisan dinding ini dihasilkan pada bulan April 2023 oleh pelukis tempatan.



**Gambar 11** Hasil rekaan mural yang telah dilukis pada dinding Kilang Kopi Antong Taiping, Perak

Lukisan ini memperlihatkan gambaran seorang lelaki tua memakai baju berwarna biru gelap dan bertopi sedang memegang secawan kopi panas. Raut wajah lelaki tua ini kelihatan tenang dan digambarkan berada di sebuah kawasan ladang pokok kopi. Ia disokong dengan kelihatan pokok kopi yang tumbuh segar dibahagian sebelah kiri rekaan lukisan mural. Rekaan lukisan mural ini turut menekankan kepada imej buah kopi berwarna hijau dan merah yang dapat memberikan gambaran kepada kualiti biji kopi tersebut. Ia menyokong kepada perbincangan pengkaji tentang keutamaan pemilik Kilang Antong yang mementingkan kualiti biji kopi mereka bagi menghasilkan rasa kopi yang terbaik.



**Gambar 12** Chan Ying Huat, salah seorang pekerja tertua di Kilang Antong Taiping, Perak

Menurut Low Li Hua, lelaki tua yang digambarkan di dalam lukisan mural tersebut merupakan salah seorang pekerja tertua di Kilang Antong yang bernama Chan Ying Huat (Gambar 12). Difahamkan beliau telah bekerja di sana selama 59 tahun sejak umurnya 17 tahun hingga ke hari ini. Oleh itu, tidak hairanlah lelaki tua ini menjadi imej utama yang digunakan bagi mempromosikan produk keluaran Kilang Antong seperti lukisan mural, poster, bunting, plastik bungkusan serta logo rasmi bagi syarikat Aun Tong Sdn. Bhd. Tambahan Li, ini merupakan salah satu cara untuk menunjukkan rasa berterima kasih pihak syarikat kerana beliau setia bersama dari dahulu sehingga kini untuk berkhidmat di Kilang Kopi Antong. Bukan itu sahaja, bahkan ibu mertua kepada Datuk Thain Boon Chung bernama Moh Xilong juga merupakan salah seorang pekerja Kilang Antong yang telah berkhidmat selama 60 tahun. Kini, umur beliau telah mencapai 80 tahun.

## 5 KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa lukisan mural merupakan satu bentuk karya seni yang efektif dalam menyampaikan sesuatu informasi menerusi gambar. Sifat lukisan mural yang boleh dihayati oleh kelompok masyarakat yang besar menjadikan ia sebagai alternatif komunikasi massa dalam menyampaikan dan menyebarkan informasi yang merangkumi pelbagai konteks sosial, sejarah, politik, atau budaya. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa imej-imej yang digunakan dalam rekaan lukisan mural ini adalah menggambarkan sejarah penubuhan Kilang Antong.

Mural ini memberi gambaran bagaimana kilang ini beroperasi, proses yang digunakan dalam penghasilan kopi, produk yang dihasilkan dan juga tulang belakang yang sentiasa ada bersama sejak dahulu sehingga kini. Dengan adanya hasil lukisan mural ini, ia memberikan peluang kepada pengunjung yang datang untuk mengamati keindahan kreatif yang dihasilkan disamping dapat memberikan maklumat berkaitan sejarah penubuhan Kilang Atong. Secara tidak langsung ia juga dapat mempromosikan Kilang Antong kepada masyarakat setempat mahupun luar melalui rekaan lukisan mural yang dihasilkan.

## PENGHARGAAN

Penulis memberikan penghargaan kepada pihak penerbit “Ideology Jurnal” dari Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar kerana menyediakan platform bagi membolehkan penulisan ini diterbitkan.

## PERUNTUKAN

Tiada bantuan kewangan diterima

## SUMBANGAN PENULIS

Para penulis telah memberikan sumbangan terhadap konsep dan reka bentuk kajian ini. Tanggungjawab bagi pencarian literatur, analisis data, dan penyusunan manuskrip telah dikongsi di antara para penulis. Kesemua penulis telah membaca dan memberikan persetujuan terhadap manuskrip akhir.

## PERTIKAIAN KEPAKARAN

Tiada pertikaian kepakaran.

## RUJUKAN

- Azahar, S., & Hussain, S. (2018). Seni Lukisan Jalanan Mural Dan Graffiti: Estetika Dan Pandangan Masyarakat. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.29926.93763>
- Dans C'Kay. (2023, August 30). Kisah Gua Prasejarah Perancis Berusia 17,000 Tahun Jadi Muzium. The Patriots. <https://thepatriots.asia/kisah-gua-prasejarah-perancis-berusia-17000-tahun-jadi-muzium/>
- Freddie Aziz Jasbindar. (2022, January 14). Kisah Kopi Antong, Kopi Paling Popular Di Taiping. Orang Perak. <https://www.orangperak.com/kisah-kopi-antong-kopi-paling-popular-di-taiping.html>
- freemalaysiatoday.com. (2020, October 2). Kilang kopi Antong masih menggunakan kaedah tradisional untuk pengeluaran kopinya. Freemalaysiatoday.Com. <https://myhometown.com.my/ipoh/malaysian-mill-makes-coffee-the-old-fashioned/>
- Gloria Setynavi Putri. (2018, November 8). Lukisan Dinding Tertua Ada di Gua Kalimantan, Bentuknya Mirip Banteng. Kompas.Com. <https://sains.kompas.com/read/2018/11/08/184416423/lukisan-dinding-tertua-ada-di-gua-kalimantan-bentuknya-mirip-banteng?>
- malaymail. (2014, February 20). Malaysia's oldest coffee mill continues wood-roasting method. Malaymail.Com. <https://www.malaymail.com/news/eat/drink/2014/02/20/malaysias-oldest-coffee-mill-continues-wood-roasting-method/621563>
- Marvella, B., & Kurnia, A. S. (2019). Galeri Seni Interaktif. 1(2), 929–940.
- Meiboudi, H., Karimzadegan, H., & Khalilnejad, S. M. R. (2011). Enhancing children's environmental awareness in kindergarten of Mashhad city using mural painting. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 28, 1020–1028. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.11.187>
- Merman, H., Tahir, A., Adibah, N., Aripin, N. M., Zakaria, M. S., Saad, N., Halus, J. S., Pengajian, K., & Kreatif, S. (2022). Mural Painting as a Platform for Historical Information in Batu Gajah Heritage Town. 10, 80–92. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.2.8.2022>
- Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, M. D. S. (2021). SEJARAH BANDAR TAIPING. Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, Matang Dan Selama. <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/taiping/sejarah-daerah>
- Prebiu.com. (2020, March 15). Kilang Kopi Tertua Di Malaysia Masih Kekal Pengeluaran Cara Tradisional. Prebiu.Com. <https://prebiu.com/2020/03/15/kilang-kopi-tertua-di-malaysia-masih-kekal-pengeluaran-cara-tradisional/>
- Rick. (2017, July 16). Taiping See: Historical Antong Coffee Mill (安东咖啡厂) since 1933 (2017). IPackTravel.Com. <https://www.ipacktravel.com/post/historical-antong-coffee-mill-taiping-malaysia>
- Saleh, Y., Suhaily Yusri Che Ngah, M., Nayan, N., & Hashim Abstrak, M. (2011). Peranan Kerajaan Tempatan dalam Pemuliharaan Bandar: Kajian Kes Majlis Perbandaran Taiping (The Roles of Local Government in Urban Conservation:A Case Study of Taiping Municipal Council). In Jurnal Perspektif Jil. 3 Bil (Vol. 1).
- Shafinaz Ahmad Shaharir. (2022, September 21). Bandar Warisan: Taiping. Museum Volunteers, JMM. <https://museumvolunteersjmm.com/2022/09/21/bandar-warisan-taiping/>

Tjetjep Rohendi Rohidi. (2011). Metodologi Penelitian Seni (10th ed.). Semarang Cipta Prima Nusantara